

KADAR BAHARU MAS KAHWIN PAHANG DITETAP RM100

KUANTAN, 28 MAC 2024 : Kadar mas kahwin di Negeri Pahang ditetapkan kepada RM100 berbanding RM22.50 yang diamalkan sejak sekian lama.

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah bertitah penetapan kadar mas kahwin ini adalah berdasarkan Seksyen 21 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005.

“Kadar ini telah lama diamalkan bermula sejak tahun 1900 lagi dan sudah tentu terdapat perbezaan nilai dan faedah yang ketara berbanding masa sekarang.

“Maka hari ini, saya dengan ini memperkenankan pindaan kadar mas kahwin di Negeri Pahang iaitu bermula dengan kadar RM100.

“Kadar baharu ini lebih munasabah dan sesuai dengan kadar ekonomi semasa. Namun penentuan kadar maksimum tertakluk kepada kemampuan dan persetujuan kedua-dua belah pihak suami dan isteri. Kerajaan pun dah lulus,” titah baginda.

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang bertitah demikian pada Majlis Sambutan Nuzul Quran, Bacaan Yassin dan Tahlil Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah serta Merasmikan Masjid Alor Akar di Masjid Baharu Alor Akar.

Mengiringi keberangkatan baginda, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Pahang, Dato’ Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail; YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato’ Sri Haji Zulkifli Yaacob; Yang Dipertua Dewan Negeri Pahang, YB. Dato’ Sri Mohd Sharkar Shamsuddin; barisan Exco Kerajaan Pahang; pemimpin setempat; dan ketua-ketua jabatan. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Ain Nadhirah Basha

Foto : Farizul Hafiz Awang

(LIPUTAN BERGAMBAR)



